

22 JUL 1999

Fernando-Cabaran

PESURUHJAYA TINGGI SRI LANKA MENYAHUT CABARAN YANG LEBIH BESAR UNTUK NEGARA

Oleh: Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Jika diberi pilihan, beliau lebih suka terus menjadi Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia. Tetapi Colombo mempunyai rancangan yang lebih besar untuk Lionel Fernando.

Isnin depan, beliau akan menyandang jawatan barunya ketua setiausaha Kementerian Luar Sri Lanka, dan menamatkan tempoh tugasnya selama satu setengah tahun di Malaysia, yang biasanya dipegang seseorang itu untuk tempoh minimum tiga tahun.

"Saya diperlukan oleh kerajaan saya supaya melaporkan diri dengan kementerian saya sebagai ketua setiausaha," katanya kepada Bernama dalam satu temubual perpisahan di sini.

Fernando, diplomat berambut putih berusia 63 tahun ini, sudah sedia menyahut cabaran itu.

Katanya satu daripada tumpuan keutamaannya di sini ialah menonjolkan gambaran sebenar negaranya kepada rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan menggunakan pelbagai bahasa.

Ini dilakukan dengan bantuan kakitangan suruhanjaya tinggi dan rakyat negara itu di sini, dengan memberikan maklumat tepat mengenai Sri Lanka, termasuk memberi penerangan kepada pelbagai pertubuhan tempatan dan berikhteraksi dengan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat.

"Jika salah maklumat diberikan, bermakna orang ramai akan kerugian tidak dapat mengenali sebenarnya sesebuah negara itu. Apa yang telah saya lakukan ialah membina jambatan antara Malaysia dan negara saya," katanya.

Menyentuh pertukaran ekonomi antara kedua-dua negara, Fernando berharap Malaysia akan meningkatkan importnya dari Sri Lanka selaras dengan dasar "memakmurkan jiran" Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Statistik suruhanjaya tinggi itu menunjukkan bahawa dari Januari hingga Mac tahun ini, Malaysia mengeksport barangan bernilai RM129.4 juta ke Sri Lanka sementara negara pulau Lautan Hindi itu mengeksport barangan bernilai RM6.68 juta ke Malaysia.

Antara import utama Malaysia dari Sri Lanka ialah mesin pejabat dan peralatan automatik memproses data, pakaian, produk getah, peralatan jentera industri, tekstil dan fabrik, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sri Lanka pula mengimport dari Malaysia, antara lain petroleum dan produk berkaitan, minyak sayuran, produk galian, besi dan keluli, jentera, peralatan telekomunikasi, perabot serta produk perubatan dan farmasi.

Fernando juga yakin bahawa dengan tanda-tanda ke arah pemulihan ekonomi Asia, syarikat-syarikat Malaysia yang baru dan yang menanggung rancangan pelaburan mereka kerana krisis ekonomi itu, akan ke Sri Lanka semula untuk mengambil manfaat daripada pelbagai peluang pelaburan di bawah naungan Lembaga Pelaburan Sri Lanka (BOI).

Awal tahun ini BOI berkata Sri Lanka kerugian kira-kira US\$500 juta (US\$1=RM3.80) pelaburan berpotensi dari Malaysia dan Korea Selatan, antara negara yang dilanda krisis ekonomi itu.

Fernando berkata Colombo akan bersungguh-sungguh dalam usahanya menarik lebih banyak pelaburan dari Malaysia.

Beliau juga bercakap dengan panjang lebar mengenai reformasi perlembagaan dan penurunan kuasa negaranya ke wilayah-wilayah.

"Saya sedar bahawa pembaharuan ini amat jauh jangkauannya kerana ia termasuk perkara mengenai tanah, kuasa polis, pelantikan gabenor dan kuasa mereka serta pelbagai perkara lagi," kata Fernando.

Beliau juga berkata satu institusi yang amat unik, dipanggil Majlis

Perlembagaan, sedang diwujudkan di Sri Lanka yang akan terdiri daripada 15 anggota, termasuk perdana menteri dan pemimpin pembangkang.

Satu dari fungsi cadangan majlis itu ialah untuk membuat keputusan mengenai pelantikan jawatan tinggi seperti peguam negara, ketua audit negara, pesuruhjaya pilihan raya malahan hakim-hakim Mahkamah Agung, katanya.

Mengenai perjuangan dengan Pejuang Kebangsaan Tamil Eelam (LTTE) untuk mewujudkan sebuah negara berasingan di semenanjung Jaffna bagi kaum Tamil, Fernando berkata apa yang penting ialah usaha tidak henti-henti di pihak pemimpin politik Sri Lanka untuk mencapai perdamaian.

"Kami memerlukan beberapa orang Nelson Mandela, Yasser Arafat atau Jerry Adams untuk membawa keamanan di Sri Lanka. Untuk memperolehi perdamaian adalah lebih jauh sukar daripada memenangi peperangan," katanya.

Fernando berkata mana-mana negara yang berhadapan dengan peperangan bom dan senjata yang berpanjangan telah banyak kerugian masa dan adalah penting bagi pihak yang bertelagah untuk duduk bersama berbincang mencari penyelesaian.

Merenung sejenak pengalamannya berkhidmat di Malaysia, Fernando berkata pergaulan dengan rakyat Malaysia yang mesra dan saling sedia membantu akan terus abadi dalam kenangannya.

Beliau berkahwin dengan Somalatha Subasinghe, seorang dramatis dan pengarah teater, mempunyai dua anak perempuan dan menjadi datuk kepada seorang cucu perempuan berusia tiga tahun.

-- BERNAMA

MAM RON